

Kebakaran tanah gambut di Kampar di wilayah Riau, semalam belum dapat dipadamkan sepenuhnya.

Jerebu landa Asia Tenggara

# 'Kami sudah lakukan usaha terbaik'



Jokowi memeriksa kawasan yang musnah susulan kebakaran hutan di Pekanbaru, semalam.

Presiden Indonesia kerah 6,000 anggota tentera bantu padam api

Pekanbaru: Jarak pandangan bagi pesawat sebelum melakukan pendaratan di Riau, semalam dilaporkan banya sekitar 500 meter ketika Presiden Indonesia, Joko 'Jokowi' Widodo membuat kunjungan untuk memantau kawasan kebakaran hutan hujan, di sini.

Pemimpin negara republik itu berkata pihak kerajaan sudah mengerah tenaga sepenuhnya, termasuk pembenihan awan dan juga mengadakan solat sunat untuk melawan kebakaran yang mencetus asap jerebu berterusan di pulau Borneo dan Sumatera.

"Kami sudah menggunakan pelbagai cara (padam kebakaran).

"Selain anggota bomba memadamkan kebakaran di darat, puluhan pesawat turut digunakan untuk menjalankan pembenihan awan dan menghantar bom air ke kawasan terbahit.

"Kami turut berdoa (kebakaran dapat dipadamkan)," katanya selepas mengunjungi Masjid Amrulloh di sini, hari ini.

Semasa kunjungan ke wilayah Riau di Sumatera Tengah, semalam, presiden itu berkata hampir 6,000 anggota tentera sudah dikerah ke kawasan tompok panas untuk membantu memadamkan api.

Impak jerebu yang kian pe-

kat juga melihat seorang bayi berusia empat bulan terkorban akibat pneumonia dan meningitis, baru-baru ini susulan kebakaran hutan di Sumatera dan Kalimantan.

Ia turut menjejaskan kesihatan puluhan ribu penduduk di rantau berhampiran serta negara jiran, termasuk Malaysia.

Bayi dikenali Elsa Fitaloka itu dilaporkan menerima rawatan di hospital sebelum keadaannya semakin teruk dan meninggal dunia hujung minggu lalu.

"Partikel jerebu boleh menjadi medium menyebarkan bakteria yang menyebabkan jangkitan," kata Pengarah Hospital Ar-Rasyid di Sumatera Selatan, Toni Siguntang dipetik *The Jakarta Post*.

Kementerian Kesihatan Indonesia merekodkan, 106,550 pesakit dirawat di Palembang, Sumatera Selatan; 61,147 di Jambi; 23,324 di Palangkaraya, Kalimantan Tengah dan 9,512 di Pekanbaru, Riau mengalami jangkitan pernafasan akut (ISPA) disebabkan jerebu susulan kebakaran hutan.

Sementara itu, kira-kira 100 penerbangan dibatalkan syarikat penerbangan utama seperti Garuda Indonesia dan anak syarikatnya, Citilink serta Kumpulan Lion Air, Lion Air, Wings Air dan Batik Air, oleh kerana jarak penglihatan di Kalimantan bertambah buruk.

"Sehingga Sabtu lalu, jarak penglihatan terhad kepada hanya 500 meter sementara jarak penglihatan dianggap selamat untuk mendarat ialah 3,500 meter," kata Ketua Lapangan Terbang Kalimantan di Berau, Kalimantan Timur, Bambang Hartanto. AFP/AGENCI